

D962

U B474 AAB

MAHATHIR - PROTON (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM)

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBIDAS PARA PENGKRITIK KERETA NASIONAL PROTON SAGA YANG SERING MEMPERKECIL-KECILKAN KEJAYAANNYA YANG BERJAYA MENYAINGI KERETA-KERETA LAIN DARIPADA JENAMA TERKENAL.

KATANYA, KUMPULAN BERKENAAN MENGATAKAN KEJAYAAN PROTON DISEBABKAN OLEH PERLINDUNGAN TARIF ATAU CUKAI OLEH KERAJAAN DAN TANPA KERAJAAN PROTON AKAN RUGI BESAR.

+PENGKRITIK INI TIDAKPUN TAHU MENGAJAI ASAS KRITIKAN MEREKA,+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-5 PENGELUARAN KOMERSIL PROTON SAGA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN NEGARA TELAH MAJU DALAM BIDANG INDUSTRI PENGELUARAN KERETA, TELAH MENDAPAT UNTUNG DAN TIADA SESEMPUN YANG TERHUTANG, KUALITI PROTON SAGA SETARAF DENGAN KERETA NEGARA MAJU DAN DITERIMA UNTUK DIEKSPORT SERTA TELAH MEMENANGI HADIAH DI LUAR NEGERI NAMUN PENGKRITIK BERKENAAN MASIH MENGATAKAN ITU DAN INI BERTUJUAN MEMPERKECIL-KECILKAN KEJAYAAN PROTON.

KATANYA, SEMUA INDUSTRI PEMASANGAN KERETA NEGARA INI MENDAPAT PERLINDUNGAN TARIF DARIPADA KERAJAAN WALAUPUN INDUSTRI ITU BERUSIA LEBIH 20 TAHUN KERANA TANPA PERLINDUNGAN ITU KERETA YANG DIPASANG DI MALAYSIA DARI KOMPONEN YANG DIIMPORT TIDAK MUNGKIN DAPAT BERSAING DENGAN KERETA YANG DIIMPORT SIAP DIPASANG. -- LAGI.

2008MST 09 07 90

D963

U B476 AAB
MAHATHIR - PROTON 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, DENGAN INI, SEMUA KERETA YANG DIPASANG DI MALAYSIA HANYA UNTUNG KERANA TIDAK MEMBAYAR CUKAI ATAU UNTUNG MEREKA SEBENARNYA IALAH CUKAI KERAJAAN YANG MEREKA TIDAK BAYAR.

+CUKAI YANG TIDAK DIBAYAR ITU IALAH CUKAI KE ATAS BARANGAN IMPORT DAN JIKA PROTON LEBIH BANYAK MENGGUNAKAN BARANG TEMPATAN, NILAI CUKAI YANG DIKECUALIKAN KE ATAS KOMPONEN IMPORT PROTON AKAN BERKURANGAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, CUKAI KOMPONEN IMPORT PROTON ADALAH SEBANYAK 35 PERATUS BERBANDING DENGAN KERETA LAIN YANG DIPASANG DI MALAYSIA YANG MEMPUNYAI KOMPONEN IMPORT HAMPIR 80 PERATUS.

KATANYA, PROTON AKAN MENCATAT LEBIH KEUNTUNGAN SEKIRANYA MENGIMPORT PERATUSAN KOMPONEN YANG LEBIH TINGGI KERANA PENGGUNAAN LEBIH BANYAK +BARANGAN TEMPATAN+ OLEH PROTON MENJADI BEBAN KEPADA MEREKA TETAPI PROTON LEBIH MENGUTAMAKAN DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA, JUMLAH CUKAI DIKECUALIKAN BAGI PROTON HANYA \$5,000, SEBALIKNYA PERBEZAAN HARGA JUALAN ANTARA PROTON DENGAN KERETA-KERETA LAIN YANG DIPASANG DI SINI YANG MEMPUNYAI SAIZ ENJIN YANG SAMA ADALAH ANTARA \$14,000 DAN \$23,000. -- LAGI.
2010MST 09 07 90

D964

U B477 AAB
MAHATHIR - PROTON 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, SEKIRANYA PROTON MEMBAYAR CUKAI SEPENUHNYA IAITU \$5,000 KEPADA KERAJAAN, HARGA JUALANNYA MASIH AKAN MENJADI LEBIH MURAH DARIPADA KERETA-KERETA LAIN IAITU ANTARA \$9,000 DAN \$18,000.

+JIKA HARGA PROTON DINAikkan \$5,000 LAGI MUNGKIN JUALANNYA TIDAK SELARIS SEKARANG, TETAPI IA TETAP LEBIH LARIS DARIPADA KERETA-KERETA LAIN DI SINI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JELAS MENUNJUKKAN PENGECEUALIAN CUKAI YANG DIBERI OLEH KERAJAAN BUKANLAH PENTING MENENTUKAN PROTON UNTUNG TETAPI IA ADALAH SUBSIDI KEPADA PEMBELI.

+JIKA PEMBELI RELA MEMBAYAR \$5,000 LEBIH UNTUK PROTON, KERAJAAN SANGGUP MENGENAKAN CUKAI SEPENUHNYA KEPADA PROTON,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BRITAIN YANG MENJADI PASARAN KEDUA TERBESAR BAGI PROTON YANG LARIS PENJUALANNYA BUKAN SEMATA-MATA KERANA SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) KERANA TERDAPAT BANYAK KERETA LEBIH MURAH DIJUAL DI SANA TETAPI PROTON MASIH POPULAR DAN DIBELI OLEH RAKYAT NEGARA ITU. -- LAGI.
2012MST 09 07 90

D965

U B478 AAB
MAHATHIR - PROTON 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, PADA TAHUN INI PROTON AKAN MENGELUARKAN 85,680 BUAH KERETA YANG DIANGGARKAN BERNILAI \$2,000 JUTA, SAMBIL MENAMBAH, KATA BAHAWA KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 1989-90 IALAH \$159 JUTA DENGAN PENJUALAN BERNILAI \$1,400 JUTA.

KATANYA, PROTON KINI SEDANG MEMBINA SEBUAH KILANG ENJIN YANG MENELAN BELANJA \$100 JUTA BAGI MENGELUARKAN ANTARA 120,000 DAN 150,000 KERETA SETAHUN.

+COMPLETE MODEL CHANGE JUGA AKAN DIADAKAN PADA TAHUN 1994 DI SAMPING MEMBUAT KAJIAN UNTUK MENAMBAH MODEL DAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN ENJIN SEHINGGA 1800CC DAN PENGELUARAN KERETA PANDU KIRI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PROTON SEDANG MENINGKATKAN KEBOLEHANNYA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DENGAN MEMBUAT PELABURAN BERNILAI \$100 JUTA UNTUK +MACHINING PLANT+, SATU DARIPADA BAHAGIAN INDUSTRI MEMBUAT KERETA YANG SOFISTIKATED DAN PENTING. -- BERNAMA.
2014MST 09 07 90